

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Lelaki perlu jaga kesihatan luar dan dalam, kata Haiza
08 Jul 2010
New Sabah Times Bahasa (KK)
Hiburan
N/A
Daily
23,655 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue
Malay
10
105 cm²
Black/white
109
327



Lelaki perlu jaga kesihatan luar dan dalam, kata Haiza

Penyanyi dangdut Haiza, mengingatkan kaum lelaki agar menjaga kesihatan diri dari luar dan dalam mereka. Kata Haiza bila dia membaca majalah i-Sihat (edisi terbaru di pasaran), dia terkejut, ramai isteri atau perempuan boleh mendapat kanser kerana meniduri lelaki yang berpanyakit.

"Haiza jadi takut bila dapat tahu ada perempuan kena penyakit kanser serviks kerana lelaki. Uh! Bahaya itu. Mujurlah hal macam ini didedahkan. Ramai yang tidak sedar hal ini. Kempen mengenai kesihatan di negara kita ini tidak kencang.

Kalau dah datang satu penyakit mengancam, barulah sibuk keluar kempen.

"Dengan adanya majalah seperti i-Sihat ini, dapatlah membantu kita yang nak tahu soal penyakit dan kesihatan dengan lebih dekat. Berbalik tentang kanser serviks yang menakutkan perempuan ia dikatakan datang daripada lelaki. Justeru, pemeriksaan kesihatan terhadap lelaki dan perempuan sebelum dan sesudah kahwin sesuatu yang baik. Jangan masa belum kahwin saja, ke klinik. Lepas kahwin, tak ambil peduli lagi.

"Lagi satu, mereka yang suka menga-

malkan kehidupan tidak sihat perlu ingat, penyakit seks bukan saja HIV atau Aids ada banyak jenis lain. Itu kena jaga. Tengoklah ada yang sampai boleh membawa kanser.

"Orang lelaki kena tahu, jangan perempuan saja kena mengambil peduli soal luaran dan 'dalaman', lelaki pun kena tahu untuk menjaga diri dan 'benda' mereka.

"Ingatlah, lelaki yang sibuk mementingkan nafsu sendiri, dikhuatiri membawa masalah kepada isteri dan anak-anak," katanya.

"Mujurlah Haiza berkahwin dengan lelaki yang mengamalkan kebersihan dan kesihatan yang baik. Alhamdulillah kami berdua menjalani kehidupan sihat," katanya tentang suaminya, Haanaphe, seorang pemain hoki di sebuah bank. Tidak dinafikan, suami Haiza bukan saja handsome tetapi sejak dulu, tampil ke-mas, bersih dan menyenangkan.

"Macam Haiza dan suami kami tidak takut ke klinik untuk melakukan sebarang pemeriksaan kesihatan sebelum dan sesudah kahwin." pesannya. -URTV